



6 Ogos 2012
6 August 2012
P.U. (A) 241

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)
(NO. 6) 2012

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 6) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 6) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2012.**

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

"orang bukan pemastautin" ertinya suatu syarikat berkaitan dengan pusat pengurusan perbendaharaan atau suatu institusi kewangan yang tidak bermastautin di Malaysia bagi maksud seksyen 8 Akta;

"pusat pengurusan perbendaharaan" ertinya suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia;
- (b) menjalankan perniagaan penyediaan perkhidmatan yang layak di Malaysia sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri;
- (c) diluluskan oleh Menteri apabila memenuhi syarat yang ditentukan olehnya.